



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Muhammed Syafiq Salleh, Esterlina Lazarus, Sharifuddin Zainal & Amsalib. (2026). Upacara *Inasi* sebagai wadah pengurusan dan kelestarian seni persembahan tradisi Murut Paluan di Sabah. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 4, 337-352. <https://10.32890/ahjmm2026.4.19>

UPACARA *INASI* SEBAGAI WADAH PENGURUSAN DAN KELESTARIAN SENI PERSEMBAHAN TRADISI MURUT PALUAN DI SABAH

(The Role of the Inasi Ceremony in the Management and Sustainability of Paluan Murut Traditional Performing Arts in Sabah)

¹Muhammed Syafiq bin Salleh, ²Esterlina Moo Chin Len Lazarus,
³Sharifuddin Zainal & ⁴Amsalib Pisali

^{1,2&3} Akademi Seni & Teknologi Kreatif,
Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

⁴Fakulti Muzik & Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

¹Corresponding author: syafiqsalleh87@ums.edu.my

Received: 31/02/2026

Revised: 12/05/2026

Accepted: 24/07/2026

Published: 31/07/2026

ABSTRAK

Masyarakat Murut Paluan merupakan salah satu sub etnik di Sabah yang masih mengamalkan upacara *inasi* sebagai kemuncak adat perkahwinan yang sarat dengan elemen seni persembahan tradisi. Walaupun upacara ini mempunyai nilai budaya yang tinggi, penelitian terhadap upacara *inasi* dari perspektif pengurusan seni persembahan masih terhad, khususnya yang mengaplikasikan kerangka teori persembahan secara sistematik. Justeru, kajian ini bertujuan menghuraikan peranan upacara *inasi* sebagai wadah pengurusan dan kelestarian seni persembahan tradisi Murut Paluan di Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual dan analisis kandungan terhadap dokumen, gambar foto serta rakaman video. Analisis data dijalankan berasaskan konsep *production mode* dalam teori persembahan Richard Schechner berfokuskan aspek penganjur, kewangan, tenaga produksi, gaya

pengurusan dan tujuan penganjuran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa upacara *inasi* mengandungi 12 acara wajib yang membentuk struktur persembahan secara sistematik serta memperlihatkan amalan pengurusan yang dilaksanakan secara kolektif oleh kedua-dua belah keluarga. Setiap elemen *production mode* saling melengkapi dalam memastikan kelangsungan pelaksanaan upacara, di samping memperkukuh hubungan kekeluargaan, pemindahan pengetahuan budaya dan pemeliharaan warisan masyarakat Murut Paluan. Kajian ini merupakan antara kajian terawal yang menganalisis upacara *inasi* daripada perspektif pengurusan seni persembahan dengan mengaplikasikan konsep *production mode* Richard Schechner, sekali gus menyumbang kepada pengembangan korpus ilmu dalam bidang pengurusan seni persembahan tradisi dan warisan budaya masyarakat Murut Paluan di Sabah. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada penyelidik, pengamal budaya dan agensi berkaitan dalam usaha memelihara serta memperkukuh kelestarian seni persembahan tradisi Murut Paluan.

Kata Kunci: *Inasi*, Murut Paluan, pengurusan seni persembahan, *production mode*, warisan budaya.

ABSTRACT

The Murut Paluan community is one of the sub-ethnic groups in Sabah that continues to practise the inasi ceremony as the culmination of its wedding customs, a ceremony rich in traditional performing arts. Despite its considerable cultural value, studies of the inasi ceremony from a performing arts management perspective remain limited, particularly those that systematically apply a performance theory framework. Therefore, this study aims to examine the role of the inasi ceremony as a medium for the management and sustainability of the traditional performing arts of the Murut Paluan community in Sabah. A qualitative approach was employed, using interviews and content analysis of documents, photographs, and video recordings. Data were analysed using the concept of the production mode in Richard Schechner's performance theory, focusing on the organiser, financing, production personnel, management style, and purpose of the event. The findings reveal that the inasi ceremony comprises 12 compulsory events that form a systematically organised performance structure and demonstrate management practices collectively undertaken by the families of both the bride and groom. Each element of the production mode complements the others in ensuring the continuity of the ceremony while strengthening family relationships, facilitating the transmission of cultural knowledge, and preserving the heritage of the Murut Paluan community. This study is among the earliest to analyse the inasi ceremony from a performing arts management perspective by applying Richard Schechner's concept of the production mode. It therefore contributes to the growing body of knowledge on the management of traditional performing arts and the cultural heritage of the Murut Paluan community in Sabah. The findings are expected to serve as a useful reference for researchers, cultural practitioners, and relevant agencies in their efforts to preserve and enhance the sustainability of Murut Paluan traditional performing arts.

Keywords: *Inasi*, Murut Paluan, performing arts management, *production mode*, cultural heritage.

PENGENALAN

Seni persembahan tradisi merupakan salah satu medium penting yang berfungsi sebagai wadah pemindahan pengetahuan budaya, pembentukan identiti komuniti dan pemeliharaan memori kolektif sesebuah masyarakat. Dalam konteks masyarakat tradisional, persembahan bukan sekadar aktiviti hiburan,

sebaliknya menjadi ruang untuk menzahirkan sistem nilai, kepercayaan, hubungan sosial dan sudut pandang dunia sesuatu kelompok budaya (Schechner, 2003). Oleh sebab itu, pelbagai ritual, upacara adat dan amalan tradisi yang diwariskan secara turun-temurun sering mengandungi unsur-unsur persembahan yang memperlihatkan keeratan antara budaya dan kehidupan sosial masyarakat pendukungnya. Perkembangan disiplin kajian persembahan turut memperlihatkan bahawa ritual dan upacara adat boleh difahami sebagai sebuah bentuk persembahan yang memiliki struktur, fungsi dan organisasi tersendiri (Schechner, 2013; Zainal et al., 2023).

Di Sabah khususnya, kepelbagaian etnik dan subetnik telah melahirkan variasi bentuk seni persembahan tradisi yang berkembang dalam konteks ritual, adat dan kehidupan bermasyarakat. Salah satu kelompok etnik yang masih mengekalkan warisan budaya tradisional mereka ialah masyarakat Murut yang terdiri daripada pelbagai subetnik seperti Tahol, Timugon, Nabai dan Paluan (Karimon & Md. Razi, 2020). Dalam kalangan masyarakat Murut Paluan yang majoritinya mendiami daerah Nabawan, pelaksanaan adat perkahwinan masih menjadi institusi budaya yang penting dalam mengukuhkan hubungan kekeluargaan dan mengekalkan identiti komuniti (Pugh-Kitingan, 2012; Jacqueline Karimon, 2020).

Upacara *inasi* merupakan kemuncak dalam adat perkahwinan masyarakat Murut Paluan dan berfungsi sebagai simbol penyatuan dua buah keluarga besar melalui pemberian *berian terakhir* daripada pihak lelaki kepada keluarga perempuan (Muhammed Syafiq & Nur Afifah, 2022). Upacara yang berlangsung selama beberapa hari ini melibatkan pelbagai acara dan persembahan yang dilaksanakan secara kolektif oleh kedua-dua belah pihak keluarga. Selain sarat dengan nilai adat dan simbol budaya, *inasi* turut memperlihatkan kewujudan elemen-elemen persembahan seperti penggunaan ruang persembahan, pembahagian peranan, pengurusan tenaga kerja, penggunaan muzik, tarian dan perlakuan ritual yang disusun mengikut aturan tertentu. Keadaan ini menjadikan *inasi* bukan sahaja signifikan sebagai amalan adat, malah berpotensi diteliti sebagai sebuah sistem seni persembahan tradisi yang mempunyai bentuk pengurusannya yang tersendiri.

Walaupun masyarakat Murut telah menjadi subjek penyelidikan dalam pelbagai bidang seperti sosiobudaya, adat resam, mitos, warisan budaya dan seni persembahan, fokus penyelidikan terdahulu lebih tertumpu kepada pendokumentasian identiti budaya, bentuk kesenian tradisi serta fungsi ritual dalam kehidupan masyarakat Murut (Pugh-Kitingan, 2012; Karimon & Md. Razi, 2020; Karimon & Md. Razi, 2021). Dalam konteks seni persembahan pula, kajian yang dijalankan oleh Muhammed Syafiq dan Nur Afifah (2022) hanya menumpukan kepada salah satu segmen persembahan dalam upacara *inasi*, iaitu acara *angkikiat*. Kajian-kajian lain pula lebih memberi perhatian kepada bentuk persembahan tertentu seperti tarian, muzik dan ritual tradisional dalam komuniti etnik di Sabah. Keadaan ini menunjukkan bahawa penelitian terhadap keseluruhan struktur pengurusan persembahan yang mendasari pelaksanaan upacara *inasi* masih belum diberikan perhatian secara khusus.

Ketirisan tersebut telah mewujudkan jurang pengetahuan berkaitan mekanisme pengurusan yang membolehkan upacara *inasi* terus diamalkan dan diwariskan secara berterusan dalam masyarakat Murut Paluan. Sehingga kini, kajian menyeluruh yang menghuraikan aspek penganjuran, sumber kewangan, tenaga produksi, struktur pengurusan dan tujuan penganjuran saling berinteraksi sebagai satu sistem pengurusan seni persembahan berdasarkan konsep *production mode* Richard Schechner. Justeru, kajian ini mengisi kelompangan tersebut dengan mengaplikasikan konsep *production mode* bagi menganalisis struktur pengurusan persembahan dalam upacara *inasi* masyarakat Murut Paluan serta menjelaskan peranannya sebagai mekanisme kelestarian seni persembahan tradisi dan pemindahan warisan budaya dalam masyarakat Murut Paluan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan masyarakat Murut di Sabah telah berkembang secara berterusan dalam pelbagai disiplin ilmu, khususnya antropologi, sosiobudaya, sejarah, warisan budaya dan seni persembahan tradisi. Penyelidikan terdahulu telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam mendokumentasikan identiti budaya, sistem kepercayaan, adat resam, organisasi sosial dan bentuk-bentuk kesenian yang menjadi asas kehidupan masyarakat Murut (Pugh-Kitingan, 2012; Ismail Ibrahim, 2012; Borham et al., 2016; Suhaimi Magi, 2018; Karimon & Md. Razi, 2020; 2021). Secara kolektif, kajian-kajian tersebut memperlihatkan bahawa warisan budaya masyarakat Murut bukan sahaja berfungsi sebagai manifestasi identiti etnik, malah sebagai suatu sistem pengetahuan yang membentuk hubungan sosial, amalan adat dan kesinambungan budaya dalam komuniti. Pendokumentasian yang dilakukan oleh para sarjana telah memperkukuhkan pemahaman terhadap kepelbagaian ekspresi budaya masyarakat Murut, di samping memperlihatkan bagaimana adat dan tradisi terus menjadi medium pemeliharaan nilai, norma serta jati diri komuniti. Walau bagaimanapun, kecenderungan penyelidikan terdahulu lebih tertumpu kepada aspek pendokumentasian budaya, ritual, mitos, adat resam dan bentuk ekspresi tradisional, manakala dimensi yang menjelaskan bagaimana sesuatu amalan budaya itu diurus, diselaraskan dan dikekalkan dalam komuniti masih kurang diberikan perhatian secara khusus. Keadaan ini menunjukkan bahawa pemahaman terhadap kelangsungan warisan budaya tidak memadai melalui dokumentasi bentuk budaya semata-mata, sebaliknya memerlukan penelitian terhadap mekanisme pengurusan komuniti yang menyokong proses pewarisan, penyelarasan sumber, pembahagian peranan dan penglibatan masyarakat sebagai faktor utama yang menentukan kelestarian sesuatu warisan budaya.

Perkembangan kajian persembahan telah mengubah perspektif penyelidik dalam memahami ritual dan amalan budaya tradisional. Jika sebelum ini ritual lazimnya ditafsir daripada perspektif antropologi atau sosiologi sebagai manifestasi kepercayaan dan adat resam masyarakat, Richard Schechner (2003; 2013) memperluaskan pemahaman tersebut dengan melihat ritual sebagai suatu bentuk persembahan yang mengandungi struktur, pelaku, ruang, khalayak dan fungsi sosial yang saling berhubung. Melalui pendekatan ini, ritual tidak lagi dianggap sebagai amalan budaya yang bersifat statik, sebaliknya sebagai satu sistem budaya yang sentiasa mengalami proses pengulangan, penyesuaian dan pembinaan makna mengikut perubahan konteks masyarakat. Perspektif ini telah diaplikasikan dalam beberapa kajian berkaitan komuniti pribumi di Malaysia. Sebagai contoh, Zainal et al. (2023) dan Zainal et al. (2025) membuktikan bahawa ritual masyarakat Bajau di Sabah mempunyai struktur dramatik, interaksi simbolik dan fungsi sosial yang membolehkan ritual tersebut dianalisis sebagai sebuah persembahan budaya. Dalam konteks masyarakat Murut Paluan pula, Muhamed Syafiq dan Nur Afifah (2022) menunjukkan bahawa acara *angkikiat* dalam upacara *inasi* bukan sahaja berfungsi sebagai pelengkap adat perkahwinan, malah menjadi medium yang memperkukuhkan hubungan kekeluargaan, penghormatan dan kerjasama dalam komuniti. Walaupun kajian-kajian tersebut berjaya memperkukuhkan kedudukan ritual sebagai satu bentuk seni persembahan, tumpuan yang diberikan masih berorientasikan analisis bentuk, fungsi dan makna persembahan, manakala aspek pengurusan yang menyokong pelaksanaan dan kesinambungan sesuatu persembahan tradisi masih belum diuraikan secara menyeluruh. Justeru, perkembangan kajian persembahan membuka ruang kepada penelitian yang lebih mendalam terhadap sistem pengurusan persembahan sebagai komponen penting dalam memastikan kelangsungan warisan budaya masyarakat.

Perbincangan mengenai seni persembahan tradisi tidak lagi tertumpu kepada estetika, bentuk persembahan atau fungsi ritual semata-mata, sebaliknya turut memberi perhatian terhadap sistem pengurusan yang menyokong kelangsungan sesuatu persembahan. Menurut Ab Rashid (2022), pengurusan seni persembahan merupakan suatu proses yang melibatkan perancangan, pengorganisasian, penyelarasan sumber, pengurusan tenaga kerja dan pelaksanaan produksi secara sistematik bagi memastikan sesuatu

persembahan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pandangan ini selari dengan Hardy Shaffi (2004) yang menjelaskan bahawa kejayaan sesebuah persembahan tradisi bergantung kepada kecekapan struktur organisasi, pembahagian tanggungjawab serta kerjasama antara semua pihak yang terlibat sepanjang proses pementasan. Daripada perspektif yang lebih luas, Konvensyen UNESCO 2003 mengenai Perlindungan Warisan Budaya Tidak Ketara turut menegaskan bahawa kelestarian sesuatu warisan budaya tidak hanya bergantung kepada usaha pendokumentasian, tetapi memerlukan penglibatan aktif komuniti sebagai pewaris, pelaksana dan pemegang pengetahuan budaya melalui proses pewarisan antara generasi, penyertaan masyarakat dan amalan budaya yang berterusan. Pendekatan ini meletakkan warisan budaya sebagai warisan hidup, iaitu warisan yang terus hidup melalui pengamalan dan pengurusan oleh komuniti pendukungnya. Sehubungan itu, kelangsungan sesuatu seni persembahan tradisi tidak hanya ditentukan oleh kekuatan nilai budaya atau bentuk persembahannya, malah dipengaruhi oleh keupayaan komuniti mengurus aspek penganjuran, penyelarasan sumber, pembahagian tugas, penglibatan masyarakat dan pemindahan pengetahuan budaya secara berterusan. Dalam konteks upacara *inasi* masyarakat Murut Paluan, perspektif ini memberikan asas konseptual yang signifikan untuk memahami bahawa kelestarian upacara tersebut bukan sahaja terhasil daripada pematuhan terhadap adat dan ritual, tetapi turut bergantung kepada sistem pengurusan komuniti yang membolehkan keseluruhan proses persembahan dilaksanakan secara tersusun, kolektif dan berterusan.

Penyelidikan berkaitan masyarakat Murut dan seni persembahan tradisi berkembang dalam tiga kecenderungan utama. Pertama, kajian lebih tertumpu kepada usaha mendokumentasikan identiti budaya, adat resam, sistem kepercayaan dan warisan masyarakat Murut sebagai asas pemeliharaan budaya etnik di Sabah. Kedua, perkembangan pengajian persembahan telah memperluaskan skop kefahaman terhadap ritual dengan mentafsirkannya sebagai suatu bentuk persembahan yang mempunyai fungsi sosial, simbolisme dan nilai budaya yang signifikan. Ketiga, penyelidikan dalam bidang pengurusan seni persembahan dan warisan budaya mula menegaskan bahawa kelangsungan sesuatu persembahan tradisi bergantung kepada keupayaan komuniti mengurus sumber, menyelaraskan organisasi dan melaksanakan proses pewarisan budaya secara berterusan. Walaupun ketiga-tiga kelompok penyelidikan ini telah menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang masing-masing, perbincangan tersebut masih berkembang secara berasingan dan belum dihubungkan secara menyeluruh dalam konteks upacara *inasi* masyarakat Murut Paluan. Keadaan ini menunjukkan bahawa hubungan antara sistem pengurusan persembahan dengan kelestarian warisan budaya masih belum dihuraikan secara komprehensif, khususnya dalam menjelaskan mekanisme pengurusan komuniti berfungsi sebagai faktor yang memastikan kesinambungan sesuatu seni persembahan tradisi.

Secara kesimpulannya, masih wujud jurang dalam memahami hubungan antara sistem pengurusan komuniti dengan kelestarian seni persembahan tradisi, khususnya dalam konteks upacara *inasi* masyarakat Murut Paluan di Sabah. Walaupun kajian terdahulu telah menjelaskan aspek budaya, ritual dan fungsi persembahan, penelitian terhadap mekanisme pengurusan yang menyokong pelaksanaan sesuatu ritual sebagai sebuah sistem persembahan masih belum diterokai secara komprehensif. Sehubungan itu, kajian ini memposisikan upacara *inasi* sebagai titik pertemuan antara disiplin pengajian persembahan, pengurusan seni persembahan dan Warisan Budaya Tidak Ketara melalui pengaplikasian konsep *production mode* yang diperkenalkan oleh Richard Schechner. Pendekatan ini membolehkan upacara *inasi* dianalisis bukan sahaja sebagai suatu ritual budaya, tetapi juga sebagai sebuah sistem pengurusan persembahan yang merangkumi aspek penganjuran, sumber kewangan, tenaga produksi, struktur organisasi dan tujuan penganjuran. Dengan memfokuskan kepada dimensi tersebut, kajian ini memperluaskan pengaplikasian konsep *production mode* dalam konteks seni persembahan tradisi masyarakat pribumi di Sabah serta menawarkan perspektif bahawa kelestarian sesuatu warisan budaya bukan sahaja ditentukan oleh pengekal bentuk ritual, tetapi turut bergantung kepada keberkesanan sistem

pengurusan komuniti yang menyokong pelaksanaan, pewarisan dan kesinambungan amalan budaya secara berterusan. Oleh yang demikian, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pengembangan wacana pengurusan seni persembahan, malah memperkukuhkan perbincangan mengenai mekanisme kelestarian warisan budaya tidak ketara dalam konteks masyarakat Murut Paluan di Sabah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes bagi meneliti secara mendalam sistem pengurusan yang mendasari pelaksanaan upacara Inasi dalam kalangan masyarakat Murut Paluan di Sabah. Pendekatan kualitatif dipilih kerana kajian ini bertujuan memahami fenomena budaya dalam konteks semula jadinya melalui pengalaman, amalan dan interaksi sosial yang tidak dapat dijelaskan secara kuantitatif. Reka bentuk kajian kes pula membolehkan penyelidik meneliti upacara Inasi sebagai satu fenomena budaya yang kompleks dengan mengambil kira hubungan antara aspek penganjuran, pengurusan sumber, tenaga produksi, struktur organisasi dan tujuan penganjuran dalam konteks sebenar pelaksanaannya. Pendekatan ini bertepatan dengan objektif kajian yang memfokuskan kepada penghuraian mekanisme pengurusan persembahan berdasarkan konsep *production mode* yang diperkenalkan oleh Richard Schechner, di samping menjelaskan peranannya dalam menyokong kelestarian seni persembahan tradisi masyarakat Murut Paluan.

Kajian ini melibatkan seramai empat orang informan utama yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Informan terdiri daripada seorang warga emas Murut Paluan yang mempunyai pengetahuan luas mengenai adat dan budaya komuniti, seorang ahli keluarga yang pernah menganjurkan upacara *inasi*, seorang waris mantan ketua adat Murut Paluan yang mewarisi pengetahuan berkaitan pelaksanaan adat, serta seorang pengamal upacara *inasi* yang terlibat secara aktif dalam pelaksanaan ritual tersebut. Kesemua informan dipilih kerana mewakili kumpulan yang mempunyai autoriti budaya serta pengalaman langsung dalam pelaksanaan upacara Inasi, sekali gus membolehkan data diperoleh daripada pelbagai perspektif yang saling melengkapi. Pemilihan mereka dibuat berdasarkan beberapa kriteria, iaitu pernah terlibat secara langsung dalam pelaksanaan upacara *inasi*, mempunyai pengalaman yang luas berkaitan amalan tersebut serta diiktiraf oleh komuniti sebagai individu yang memiliki pengetahuan mendalam mengenai adat dan pelaksanaan upacara *inasi*. Pemilihan informan yang berasaskan pengalaman dan kepakaran ini membolehkan penyelidik memperoleh data yang komprehensif bagi menghuraikan sistem pengurusan serta pelaksanaan upacara *inasi* dalam konteks masyarakat Murut Paluan.

Kajian ini telah dijalankan di daerah Nabawan dan Sook, Sabah, yang merupakan antara kawasan penempatan utama masyarakat Murut Paluan serta masih mengamalkan upacara *inasi* sebagai sebahagian daripada adat perkahwinan tradisional. Pengumpulan data dilaksanakan dalam tempoh 2020 hingga 2022 bagi membolehkan penyelidik memperoleh maklumat yang komprehensif melalui penglibatan lapangan secara berterusan. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian serta pengumpulan dokumen, gambar foto dan rakaman video. Bahan-bahan tersebut kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Temu bual separa berstruktur digunakan bagi membolehkan penyelidik meneroka pengalaman, pengetahuan dan pandangan informan secara mendalam, di samping memberi ruang kepada informan menghuraikan aspek-aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan upacara *inasi* berdasarkan pengalaman mereka. Pemerhatian pula dijalankan bagi membolehkan penyelidik merekodkan secara sistematik proses pelaksanaan upacara, interaksi antara peserta serta aspek pengurusan yang berlaku tanpa mempengaruhi situasi sebenar di lapangan. Selain itu, analisis kandungan terhadap dokumen, gambar foto dan rakaman video yang turut dikongsikan oleh informan mengenai upacara *inasi*

turut dilaksanakan bagi melengkapkan data temu bual dan pemerhatian, sekali gus membolehkan proses triangulasi data dilakukan untuk meningkatkan ketepatan interpretasi kajian.

Data yang diperoleh daripada temu bual, pemerhatian, dokumen, gambar foto dan rakaman video dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Proses analisis dimulakan dengan mentranskripsikan rakaman temu bual secara verbatim sebelum semua data dibaca dan disemak secara berulang bagi memperoleh kefahaman yang menyeluruh terhadap fenomena yang dikaji. Analisis kemudiannya dilaksanakan dengan mengaplikasikan konsep *production mode* yang diperkenalkan oleh Richard Schechner sebagai kerangka analisis utama. Berpandukan kerangka analisis tersebut, data dikategorikan mengikut lima elemen utama *production mode*, iaitu penganjur, sumber kewangan, tenaga produksi, struktur organisasi dan tujuan penganjuran. Pengelasan data kepada lima elemen tersebut membolehkan penyelidik mengenal pasti hubungan antara setiap komponen pengurusan dalam pelaksanaan upacara *inasi* serta menjelaskan bagaimana sistem pengurusan komuniti berfungsi dalam menyokong kelestarian seni persembahan tradisi masyarakat Murut Paluan. Pendekatan ini memastikan proses analisis dilaksanakan secara sistematik dan selaras dengan objektif serta kerangka teori yang mendasari kajian.

Bagi mendapatkan kepastian data kajian, penyelidik mengaplikasikan triangulasi dengan menggabungkan data yang diperoleh melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian serta analisis dokumen, gambar foto dan rakaman video. Penggunaan pelbagai sumber data ini membolehkan proses semakan silang dilakukan bagi memastikan ketekalan maklumat yang diperoleh daripada setiap kaedah pengumpulan data. Di samping itu, dapatan kajian sentiasa ditafsir berpandukan objektif kajian serta kerangka *production mode* Richard Schechner bagi memastikan proses analisis dilaksanakan secara konsisten dan sistematik. Pendekatan ini meningkatkan tahap kebolehpercayaan dapatan di samping memastikan interpretasi yang dibuat adalah selaras dengan konteks pelaksanaan upacara *inasi* dalam masyarakat Murut Paluan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pengaplikasian konsep *production mode* yang diperkenalkan oleh Richard Schechner digunakan bagi memahami struktur pengurusan persembahan yang mendasari pelaksanaan upacara tersebut. Berdasarkan analisis yang dijalankan, sistem pengurusan persembahan dalam upacara *inasi* dapat diuraikan melalui lima komponen utama, iaitu penganjur persembahan, sumber kewangan, tenaga produksi, struktur pengurusan dan tujuan penganjuran persembahan. Kelima-lima komponen ini memperlihatkan bagaimana upacara *inasi* bukan sahaja berfungsi sebagai ritual adat perkahwinan, malah berperanan sebagai sebuah sistem seni persembahan tradisi yang tersusun dan diwariskan secara turun-temurun dalam masyarakat Murut Paluan.

Penganjur

Dalam konteks *production mode*, penganjur merupakan komponen penting yang bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memastikan kelangsungan sesebuah persembahan. Menurut Schechner (2003), sesebuah persembahan tidak dapat dipisahkan daripada individu atau kelompok yang menguruskan sumber, tenaga kerja dan pelaksanaan aktiviti persembahan. Peranan penganjur bukan sahaja melibatkan aspek kewangan, malah merangkumi proses membuat keputusan, pembahagian tugas serta penyelarasan keseluruhan aktiviti yang terlibat dalam sesebuah produksi. Oleh itu, kewujudan penganjur menjadi asas kepada pembentukan sistem pengurusan yang membolehkan sesuatu persembahan dilaksanakan secara teratur dan berkesan.

Upacara *inasi* masyarakat Murut Paluan dilaksanakan melalui sistem penganjuran yang bersifat kolektif dan melibatkan kerjasama antara pihak keluarga pengantin perempuan yang dikenali sebagai *amagun* dan pihak keluarga pengantin lelaki yang dikenali sebagai *tambului*. Dapatan ini selari dengan penemuan Muhamed Syafiq dan Nur Afifah (2022) yang menjelaskan bahawa pelaksanaan *inasi* bergantung kepada penglibatan kedua-dua belah keluarga bagi memastikan setiap acara dapat dijalankan mengikut ketetapan adat yang diwariskan secara turun-temurun.

Pelaksanaan upacara *inasi* lazimnya didahului oleh mesyuarat awal yang diadakan sekitar enam hingga dua belas bulan sebelum upacara berlangsung. Mesyuarat tersebut berfungsi sebagai medium perancangan dan penyelarasan bagi menentukan keperluan upacara, pembahagian tanggungjawab serta penyediaan sumber yang diperlukan sepanjang pelaksanaan *inasi*. Melalui mesyuarat ini, setiap keputusan yang berkaitan dengan pelaksanaan upacara perlu dipersetujui secara bersama oleh kedua-dua pihak keluarga. Sekiranya berlaku pertikaian atau ketidaksepakatan dalam perbincangan, sesuatu keputusan tidak akan dilaksanakan sehingga persetujuan bersama dicapai. Keadaan ini memperlihatkan bahawa proses penganjuran *inasi* bukan sahaja berteraskan struktur organisasi yang tersusun, malah dipandu oleh prinsip permuafakatan yang menjadi teras dalam kehidupan masyarakat Murut Paluan.

Kajian turut mendapati bahawa keseluruhan pelaksanaan upacara diketuai oleh ketua keluarga daripada pihak *amagun*. Individu yang memegang tanggungjawab tersebut lazimnya terdiri daripada bapa, bapa saudara atau datuk kepada pengantin perempuan yang mempunyai autoriti dalam membuat keputusan berkaitan pelaksanaan adat. Kedudukan ini menunjukkan bahawa struktur kepimpinan tradisional masih memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pengurusan upacara. Dalam konteks ini, ketua keluarga bertindak sebagai penyelarasan utama yang memastikan setiap aktiviti dilaksanakan mengikut jadual dan ketetapan adat yang telah dipersetujui bersama.

Dari sudut organisasi, jawatankuasa pelaksanaan *inasi* dibahagikan kepada dua kelompok utama, iaitu *amagun* sebagai penganjur utama dan *tambului* sebagai penganjur bersama. Pihak *amagun* bertanggungjawab menyediakan ruang persembahan utama yang dikenali sebagai Rumah Besar, selain memastikan keperluan asas seperti makanan, minuman dan bekalan air mencukupi sepanjang berlangsungnya upacara. Rumah Besar berfungsi sebagai pusat utama pelaksanaan pelbagai acara adat, manakala *pusangag* yang terletak kira-kira 100 meter dari Rumah Besar berperanan sebagai lokasi persinggahan sementara bagi rombongan *tambului* sebelum memasuki ruang utama upacara. Dalam masa yang sama, pihak *tambului* bertanggungjawab menyediakan pelbagai bentuk *berian* seperti tajau dan barangan adat lain sebagaimana yang telah dipersetujui dalam mesyuarat awal.

Pembahagian tanggungjawab tersebut memperlihatkan kewujudan sistem pengurusan yang jelas dan tersusun dalam pelaksanaan upacara *inasi*. Dapatan ini menyokong pandangan Hardy Shafii (2004) bahawa kejayaan sesebuah persembahan tradisi bergantung kepada kejelasan struktur organisasi serta pembahagian tugas dalam kalangan individu yang terlibat. Malah, Zulkifli Ab Rashid (2022) turut menegaskan bahawa proses pengorganisasian merupakan elemen penting dalam memastikan sumber dan tenaga kerja dapat dimanfaatkan secara optimum. Dalam konteks masyarakat Murut Paluan, sistem penganjuran yang diamalkan bukan sahaja menjamin kelancaran pelaksanaan upacara, malah memperlihatkan bagaimana institusi kekeluargaan berfungsi sebagai mekanisme pengurusan persembahan yang menyokong kelestarian seni persembahan tradisi secara berterusan.

Kewangan

Sumber kewangan merupakan antara komponen penting dalam konsep *production mode* yang diperkenalkan oleh Richard Schechner. Menurut Schechner (2003), sesebuah persembahan memerlukan

sumber kewangan yang mencukupi bagi menampung keperluan produksi, termasuk penyediaan ruang persembahan, tenaga kerja, peralatan dan pelbagai keperluan logistik yang berkaitan. Keupayaan mengurus sumber kewangan secara sistematik bukan sahaja menentukan kelancaran sesebuah persembahan, malah mempengaruhi keberlangsungan sesebuah tradisi persembahan dalam sesebuah komuniti.

Dalam konteks masyarakat Murut Paluan, pengurusan kewangan bagi menjayakan upacara *inasi* dilaksanakan secara kolektif dan berteraskan semangat kekeluargaan. Pihak keluarga pengantin lelaki (*tambului*) tidak dibiarkan menanggung keseluruhan kos pelaksanaan upacara secara bersendirian (Jacquelina Karimon, 2020). Sebaliknya, ketua keluarga akan memastikan bahawa persediaan kewangan dilakukan secara berperingkat sebelum sesuatu upacara dilaksanakan. Setelah mencapai tahap kesiapsiagaan tertentu, ketua keluarga akan mengadakan perbincangan bersama ahli keluarga besar bagi mengumpulkan sumbangan tambahan yang bertujuan membantu menampung keperluan pelaksanaan *inasi*. Amalan tersebut memperlihatkan bahawa sumber kewangan dalam upacara *inasi* tidak bergantung kepada individu tertentu, sebaliknya digerakkan melalui jaringan kekeluargaan yang kukuh. Keadaan ini selari dengan nilai kolektivisme yang menjadi asas kepada kehidupan sosial masyarakat Murut Paluan. Melalui mekanisme ini, beban kewangan dapat diagihkan secara bersama dalam kalangan ahli keluarga, sekali gus memastikan pelaksanaan upacara dapat diteruskan tanpa menimbulkan tekanan yang berlebihan kepada pihak tertentu. Oleh sebab itu, upacara *inasi* hanya akan dilaksanakan apabila pihak *tambului* benar-benar bersedia dari aspek kewangan dan logistik.

Selain itu, Jumlah sumbangan yang diberikan oleh ahli keluarga juga tidak terhad kepada bentuk kewangan semata-mata. Sebaliknya, sumbangan turut disalurkan dalam bentuk pelbagai keperluan upacara yang berfungsi sebagai elemen sokongan persembahan. Antara barangan yang lazim disumbangkan termasuklah makanan, tajau, aksesori manik, pakaian tradisional, makanan ringan dan lain-lain lagi. Dari perspektif seni persembahan, barangan tersebut boleh ditafsir sebagai sebahagian daripada elemen produksi yang menyokong pelaksanaan persembahan, sama ada sebagai kelengkapan ritual, kostum, props mahupun unsur visual dan bunyi yang membentuk keseluruhan pengalaman persembahan.

Menariknya, tiada penetapan khusus berhubung jumlah sumbangan yang perlu diberikan oleh setiap ahli keluarga. Bentuk dan jumlah sumbangan bergantung kepada kemampuan individu serta kesediaan mereka untuk membantu menjayakan upacara tersebut. Dapatan ini selari dengan pemerhatian Joseph (2021) yang menjelaskan bahawa amalan saling membantu dalam kalangan keluarga besar merupakan antara prinsip penting yang diamalkan oleh masyarakat Murut. Walaupun tidak terdapat ketetapan yang bersifat mengikat, setiap bentuk sumbangan tetap diselaraskan melalui mesyuarat keluarga yang diadakan sebelum upacara berlangsung.

Mesyuarat tersebut berfungsi sebagai mekanisme penyelarasan sumber bagi menentukan jenis sumbangan yang akan diberikan oleh setiap ahli keluarga. Langkah ini penting bagi mengelakkan pertindihan penyediaan barangan serta memastikan semua keperluan upacara dapat dipenuhi secara menyeluruh. Dari perspektif pengurusan persembahan, proses ini memperlihatkan kewujudan sistem perancangan sumber yang tersusun dan berfungsi untuk mengoptimumkan penggunaan aset yang dimiliki oleh komuniti. Dapatan ini menyokong pandangan Zulkifli Ab Rashid (2022) yang menegaskan bahawa keberkesanan sesebuah persembahan banyak bergantung kepada keupayaan penganjur mengurus sumber yang tersedia secara sistematik dan terancang.

Secara keseluruhannya, pengurusan sumber kewangan dalam upacara *inasi* memperlihatkan bahawa masyarakat Murut Paluan mengamalkan model pembiayaan berasaskan kerjasama komuniti yang berfungsi menyokong pelaksanaan persembahan secara kolektif. Model ini bukan sahaja menjamin

kelancaran pelaksanaan upacara, malah memperkukuhkan hubungan kekeluargaan dan menjadi mekanisme penting dalam memastikan kelangsungan seni persembahan tradisi yang diwariskan dari satu generasi kepada generasi berikutnya.

Tenaga Produksi

Dalam konsep *production mode*, tenaga produksi merujuk kepada individu atau kumpulan yang terlibat secara langsung dalam menjayakan sesebuah persembahan melalui pelaksanaan tugas-tugas tertentu yang telah ditetapkan. Menurut Schechner (2003), keberkesanan sesebuah persembahan bukan sahaja bergantung kepada penganjur dan sumber kewangan, malah turut dipengaruhi oleh keupayaan tenaga produksi melaksanakan peranan masing-masing secara teratur dan bersepadu. Oleh itu, tenaga produksi merupakan komponen penting yang menghubungkan perancangan dengan pelaksanaan sesebuah persembahan.

Proses kerja tenaga produksi dalam upacara *inasi* dapat dibahagikan kepada beberapa kelompok yang berfungsi pada peringkat pra persembahan, semasa persembahan dan pasca persembahan. Pembahagian tugas ini dilakukan lebih awal, iaitu sekitar enam hingga dua belas bulan sebelum upacara berlangsung (Rapieh, 2021). Tempoh persediaan yang panjang memperlihatkan bahawa pelaksanaan *inasi* memerlukan perancangan sumber manusia yang sistematik bagi memastikan setiap acara dapat dijalankan mengikut aturan adat yang telah ditetapkan.

Tenaga produksi utama dalam upacara *inasi* terbahagi kepada dua kelompok besar, iaitu *amagun* dan *tambului*. Walau bagaimanapun, pihak *amagun* memerlukan jumlah tenaga kerja yang lebih ramai kerana Rumah Besar yang menjadi lokasi utama pelaksanaan upacara berada di bawah tanggungjawab mereka. Selain mengurus ruang persembahan utama, pihak *amagun* juga bertanggungjawab memastikan keperluan logistik, penyediaan makanan, penyusunan ruang dan kelancaran perjalanan acara sepanjang upacara berlangsung. Dalam masa yang sama, pihak *tambului* turut memainkan peranan penting dalam melaksanakan tugas yang berkaitan dengan penyediaan *berian*, penyertaan dalam acara adat serta pelaksanaan pelbagai aktiviti yang telah dipersetujui bersama.

Menariknya, penglibatan tenaga produksi dalam upacara *inasi* tidak terbatas kepada kelompok umur tertentu. Sebaliknya, penyertaan melibatkan pelbagai lapisan generasi yang terdiri daripada kanak-kanak, remaja, belia dan golongan dewasa. Setiap individu diberikan peranan mengikut kemampuan, pengalaman dan kesesuaian tugas yang perlu dilaksanakan. Penglibatan merentas generasi ini menunjukkan bahawa upacara *inasi* bukan sahaja berfungsi sebagai ruang pelaksanaan adat, malah menjadi medium pembelajaran tidak formal yang membolehkan generasi muda memahami dan menghayati amalan budaya masyarakat mereka secara langsung.

Bagi ahli keluarga yang berada di luar kawasan penempatan asal akan pulang ke kampung bagi menyumbangkan tenaga dalam menjayakan upacara tersebut. Fenomena ini memperlihatkan bahawa tenaga produksi dalam upacara *inasi* tidak beroperasi berdasarkan hubungan profesional sebagaimana yang lazim berlaku dalam produksi moden, sebaliknya digerakkan melalui ikatan kekeluargaan dan tanggungjawab sosial yang dikongsi bersama. Penglibatan kolektif ini secara tidak langsung memperkukuhkan hubungan kekeluargaan serta mengekalkan jaringan sosial dalam komuniti Murut Paluan.

Dari perspektif Teori Persembahan Richard Schechner, penglibatan tenaga produksi yang bersifat kolektif ini memperlihatkan bahawa persembahan tradisi berfungsi sebagai sebuah sistem sosial yang menghubungkan individu, keluarga dan komuniti dalam satu struktur organisasi yang saling bergantung

antara satu sama lain. Keadaan ini berbeza daripada kebanyakan produksi persembahan moden yang lazimnya bergantung kepada tenaga kerja profesional dan berbayar. Dalam konteks *inasi*, penyertaan tenaga produksi didorong oleh rasa tanggungjawab terhadap keluarga dan adat, sekali gus memperlihatkan hubungan erat antara struktur sosial dan pelaksanaan persembahan.

Dapatan ini turut menyokong pandangan Pugh-Kitingan (2012) dan Jacqueline Karimon (2020) yang menjelaskan bahawa amalan gotong-royong dan kerjasama kekeluargaan merupakan antara nilai teras yang masih dipelihara dalam kehidupan masyarakat Murut. Melalui penglibatan aktif setiap ahli keluarga, upacara *inasi* bukan sahaja berjaya dilaksanakan dengan lancar, malah berfungsi sebagai mekanisme yang memperkukuhkan solidariti sosial, memindahkan pengetahuan budaya dan memastikan kesinambungan warisan tradisi dalam masyarakat Murut Paluan. Oleh yang demikian, tenaga produksi dalam upacara *inasi* tidak hanya berfungsi sebagai pelaksana tugas, tetapi turut memainkan peranan penting sebagai agen pemeliharaan dan kelestarian seni persembahan tradisi.

Struktur Pengurusan

Struktur pengurusan merupakan komponen penting dalam sesebuah persembahan kerana berfungsi sebagai mekanisme yang menyelaraskan peranan, tanggungjawab dan aliran komunikasi antara individu yang terlibat. Dalam konsep *production mode*, Schechner (2003) menjelaskan bahawa sesebuah persembahan memerlukan sistem organisasi yang jelas bagi memastikan setiap komponen produksi dapat berfungsi secara bersepadu. Melalui struktur pengurusan yang sistematik, proses perancangan, pelaksanaan dan penyelarasan persembahan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur serta berkesan.

Struktur pengurusan dalam upacara *inasi* masyarakat Murut Paluan memperlihatkan kewujudan sistem organisasi yang tersusun walaupun pelaksanaannya berasaskan institusi kekeluargaan. Struktur tersebut boleh diklasifikasikan kepada tiga peringkat utama, iaitu pengurusan tertinggi, pengurusan pertengahan dan kumpulan pelaksana. Pembahagian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan *inasi* tidak berlaku secara spontan, sebaliknya dikendalikan melalui sistem pengurusan yang mempunyai hierarki, bidang kuasa dan tanggungjawab yang jelas.

Peringkat pengurusan tertinggi terdiri daripada individu yang lebih berusia dan berpengalaman seperti bapa kandung, bapa saudara atau datuk kepada pengantin. Golongan ini berperanan sebagai pembuat keputusan utama yang mempunyai autoriti dalam menentukan pelbagai aspek berkaitan pelaksanaan upacara. Mereka bertanggungjawab menetapkan dasar pelaksanaan, menyelesaikan isu yang timbul serta memastikan setiap keputusan yang dibuat selaras dengan ketetapan adat masyarakat Murut Paluan. Kedudukan mereka dalam struktur organisasi memperlihatkan bahawa pengalaman, pengetahuan adat dan status kekeluargaan menjadi asas utama dalam pembentukan kepimpinan tradisional masyarakat tersebut.

Pada peringkat pertengahan pula, pengurusan dianggotai oleh individu yang berfungsi sebagai penghubung antara kumpulan pelaksana dengan pengurusan tertinggi. Kumpulan ini lazimnya terdiri daripada ibu saudara, bapa saudara, sepupu atau adik-beradik pengantin yang mempunyai pengalaman serta kemahiran komunikasi yang baik. Peranan utama mereka adalah menyampaikan arahan, menyelaraskan tugas dan memastikan setiap aktiviti dilaksanakan mengikut perancangan yang telah dipersetujui. Dalam konteks pengurusan persembahan, kumpulan ini memainkan fungsi yang hampir menyerupai pengurus produksi yang bertanggungjawab memastikan keseluruhan operasi berjalan dengan lancar.

Kumpulan pelaksana pula terdiri daripada ahli keluarga daripada pelbagai lapisan umur yang bertanggungjawab melaksanakan tugas di peringkat operasi. Golongan ini memainkan peranan penting dalam menyediakan keperluan upacara, mengurus ruang persembahan, membantu penyediaan logistik

serta melaksanakan pelbagai tugas sebelum, semasa dan selepas upacara berlangsung. Penglibatan menyeluruh ahli keluarga dalam kumpulan pelaksana memperlihatkan bahawa pelaksanaan *inasi* bergantung kepada kerjasama kolektif yang menjadi asas kepada organisasi sosial masyarakat Murut Paluan.

Selain pembahagian mengikut hierarki pengurusan, kajian turut mendapati bahawa tugas dalam upacara *inasi* dibahagikan kepada beberapa bahagian khusus seperti perancangan, kewangan, jemputan, persembahan, penyediaan bahan serta pengurusan ruang persembahan yang melibatkan Rumah Besar dan *pusangag*. Pembahagian tugas ini menunjukkan bahawa masyarakat Murut Paluan mengamalkan prinsip pengkhususan kerja dalam pelaksanaan upacara mereka. Setiap bahagian diberikan tanggungjawab yang berbeza mengikut keperluan dan kepakaran bagi memastikan keseluruhan proses dapat dilaksanakan secara sistematik.

Keadaan ini menjadi lebih signifikan apabila upacara *inasi* melibatkan pelaksanaan dua belas acara dan persembahan utama yang perlu disempurnakan bagi memenuhi tuntutan adat. Oleh yang demikian, kumpulan pengurusan pertengahan memainkan peranan penting dalam menyelaras perjalanan acara serta memastikan proses transisi daripada satu persembahan kepada persembahan yang lain dapat dilaksanakan dengan lancar. Dari perspektif pengurusan persembahan, fungsi tersebut menyerupai peranan pengurus pentas dan pengurus acara yang lazim ditemui dalam produksi persembahan moden. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun beroperasi dalam kerangka adat tradisional, masyarakat Murut Paluan telah mengaplikasikan prinsip-prinsip pengurusan yang mempunyai persamaan dengan sistem pengurusan persembahan kontemporari.

Hardy Shafii (2004) menegaskan bahawa keberkesanan sesebuah persembahan banyak dipengaruhi oleh kejelasan struktur organisasi dan pembahagian tanggungjawab dalam kalangan individu yang terlibat. Pada masa yang sama, dapatan ini turut memperkukuhkan hujah Schechner (2003) bahawa sesebuah persembahan perlu difahami sebagai sebuah sistem organisasi yang kompleks dan bukannya sekadar aktiviti yang berlangsung di ruang persembahan semata-mata. Dalam konteks upacara *inasi*, struktur pengurusan yang tersusun membolehkan setiap acara dilaksanakan secara teratur, sekali gus menyumbang kepada kelangsungan dan pemeliharaan seni persembahan tradisi masyarakat Murut Paluan secara berterusan.

Tujuan Penganjuran

Dalam kerangka *production mode*, tujuan penganjuran merupakan salah satu komponen penting yang menjelaskan matlamat dan fungsi sesebuah persembahan dalam masyarakat. Menurut Schechner (2003), sesuatu persembahan lazimnya dianjurkan bagi memenuhi tujuan tertentu sama ada berbentuk hiburan (*entertainment*), kepentingan sosial dan budaya (*efficacy*) atau gabungan kedua-duanya sekali. Oleh yang demikian, pemahaman terhadap tujuan penganjuran membolehkan sesebuah persembahan ditafsir bukan sekadar sebagai aktiviti budaya, tetapi sebagai medium yang memenuhi keperluan sosial dan nilai yang dipegang oleh komuniti pendukungnya.

Upacara *inasi* dianjurkan bagi memenuhi kepentingan adat serta memperkukuhkan hubungan kekeluargaan antara pihak *amagun* dan *tambului*. Upacara ini merupakan simbol penghargaan dan tanda kesyukuran keluarga pengantin lelaki kepada keluarga pengantin perempuan atas kesediaan menerima dan membina kehidupan bersama anak lelaki mereka. Dalam konteks ini, *inasi* berfungsi sebagai medium pengabsahan hubungan kekeluargaan yang bukan sahaja melibatkan pasangan pengantin, malah merangkumi penyatuan dua buah keluarga besar dalam satu jaringan sosial yang lebih luas.

Kesemua dua belas acara dan persembahan yang dilaksanakan sepanjang upacara *inasi* melibatkan penyertaan aktif kedua-dua belah pihak keluarga. Penglibatan menyeluruh ini memperlihatkan bahawa tujuan utama penganjuran *inasi* bukan semata-mata untuk memenuhi tuntutan adat, tetapi juga untuk mewujudkan ruang interaksi sosial yang membolehkan hubungan kekeluargaan diperkukuhkan secara berterusan. Melalui penyertaan dalam pelbagai acara adat dan persembahan tradisi, ahli keluarga berpeluang membina hubungan yang lebih erat, sekali gus memperluaskan jaringan kekeluargaan dalam komuniti Murut Paluan.

Selain itu, upacara *inasi* turut berfungsi sebagai medium pemindahan pengetahuan budaya daripada generasi terdahulu kepada generasi yang lebih muda. Penglibatan ahli keluarga daripada pelbagai peringkat umur dalam setiap acara membolehkan nilai, adat, pantang larang dan amalan budaya diwariskan secara langsung melalui pengalaman dan penglibatan aktif. Keadaan ini menunjukkan bahawa penganjuran *inasi* bukan sahaja memenuhi fungsi sosial, malah memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan warisan budaya masyarakat Murut Paluan.

Kejayaan pelaksanaan *inasi* sering dikaitkan dengan kemampuan pihak *amagun* menyediakan pengalaman upacara yang memuaskan kepada pihak *tambului*. Upacara yang dilaksanakan dengan baik melalui penyediaan makanan yang mencukupi, kelancaran acara dan persembahan yang berkualiti dianggap sebagai manifestasi penghormatan kepada tetamu serta lambang maruah keluarga. Sebaliknya, kegagalan memenuhi jangkaan tersebut boleh menimbulkan perasaan *akauyuh* atau malu dalam kalangan pihak *amagun* (Jacquelina Karimon, 2021). Situasi ini memperlihatkan bahawa penganjuran *inasi* bukan sahaja mempunyai fungsi budaya, malah berkait rapat dengan nilai penghormatan, maruah dan tanggungjawab sosial yang diamalkan dalam masyarakat Murut Paluan.

Dari perspektif Teori Persembahan Richard Schechner, upacara *inasi* memperlihatkan gabungan antara fungsi hiburan dan kepentingan sosial (*efficacy*) yang saling melengkapi antara satu sama lain. Pelbagai acara dan persembahan yang dilaksanakan sepanjang upacara bukan sahaja menyediakan ruang hiburan kepada komuniti, malah berfungsi sebagai mekanisme yang mengukuhkan hubungan kekeluargaan, mengekalkan identiti budaya dan memelihara kesinambungan adat masyarakat Murut Paluan. Dapatan ini selari dengan pandangan Nur Afifah (2019) yang menegaskan bahawa sesebuah persembahan tradisi sering beroperasi dalam ruang yang mempertemukan unsur hiburan dan kepentingan sosial secara serentak.

Secara keseluruhannya, tujuan penganjuran upacara *inasi* melangkaui fungsi adat perkahwinan semata-mata. Sebaliknya, upacara ini berperanan sebagai medium penghargaan, penyatuan keluarga, pemindahan pengetahuan budaya dan pemeliharaan warisan tradisi. Melalui fungsi-fungsi tersebut, *inasi* terus kekal relevan dalam kehidupan masyarakat Murut Paluan dan berfungsi sebagai wadah penting dalam menjamin kelestarian seni persembahan tradisi yang diwariskan secara turun-temurun.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa upacara *inasi* bukan sekadar sebuah ritual adat perkahwinan, sebaliknya merupakan sebuah sistem seni persembahan tradisi yang mempunyai struktur pengurusan yang tersusun dan berfungsi secara kolektif. Analisis terhadap komponen penganjur persembahan, sumber kewangan, tenaga produksi, struktur pengurusan dan tujuan penganjuran memperlihatkan bahawa pelaksanaan *inasi* digerakkan melalui kerjasama antara pihak *amagun* dan *tambului* yang berlandaskan nilai kekeluargaan, gotong-royong dan tanggungjawab sosial.

Kajian ini memberikan sumbangan kepada pengembangan ilmu dalam bidang pengurusan seni persembahan dengan memperlihatkan bahawa konsep *production mode* Richard Schechner bukan sahaja sesuai diaplikasikan dalam konteks produksi teater moden, malah relevan untuk menjelaskan sistem pengurusan yang mendasari seni persembahan tradisi masyarakat pribumi. Dapatan kajian ini turut memperluaskan perbincangan dalam bidang pengajian persembahan dengan menunjukkan bahawa kelestarian sesuatu warisan budaya tidak hanya dipengaruhi oleh bentuk persembahan atau fungsi ritual, tetapi juga oleh sistem pengurusan komuniti yang menyokong pelaksanaan dan pewarisannya secara berterusan. Oleh itu, kajian ini menyumbang kepada pengembangan wacana akademik yang menghubungkan disiplin pengajian persembahan, pengurusan seni persembahan dan warisan budaya tidak ketara dalam konteks masyarakat Murut Paluan di Sabah.

Dari sudut amalan, dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh agensi berkaitan warisan budaya seperti Jabatan Muzium Sabah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), serta badan-badan yang terlibat dalam pemeliharaan warisan budaya tidak ketara sebagai rujukan dalam merancang strategi pendokumentasian, pemuliharaan dan pemerkasaan seni persembahan tradisi. Selain itu, kajian ini turut memberikan manfaat kepada komuniti Murut Paluan dengan mendokumentasikan sistem pengurusan yang menjadi asas kepada pelaksanaan upacara *inasi*, sekali gus membantu usaha pemindahan pengetahuan budaya kepada generasi muda dan memperkukuhkan kesinambungan warisan budaya komuniti tersebut.

Kajian lanjutan dicadangkan untuk memperluaskan aplikasi konsep *production mode* terhadap bentuk-bentuk seni persembahan tradisi etnik lain di Sabah bagi membolehkan perbandingan dibuat terhadap sistem pengurusan yang diamalkan oleh setiap komuniti. Di samping itu, penyelidikan pada masa hadapan boleh meneliti pengaruh perubahan sosial, pembangunan teknologi dan dasar pemeliharaan warisan budaya terhadap kelangsungan sistem pengurusan seni persembahan tradisi. Penyelidikan berbentuk perbandingan antara komuniti di Sabah dan Semenanjung Malaysia juga berpotensi memperkayakan pemahaman mengenai kepelbagaian model pengurusan dalam seni persembahan tradisional di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Editorial AHJMM, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini telah dibiayai geran dalaman Universiti Malaysia Sabah iaitu geran Skim Lantikan Pensyarah Baru (SLB2104).

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan oleh penulis makalah. Penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang dibentangkan dalam kajian ini boleh diperolehi atas permintaan daripada penulis yang berkaitan.

RUJUKAN

- Ab Rashid, Z. (2022). Pengurusan seni persembahan: Perancangan yang gagal kerana gagal merancang. *The International Journal of Arts, Culture & Heritage (iJACH)*, 7(Edisi Khas), 51–66.
- Chong Sui Kim, & Doretty Sikuat. (2020). *Murut Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Perpustakaan Negeri Sabah.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Hardy Shafii, A. S. (2004). Pengurusan pementasan teater komersil Mak Yong di Kelantan, 1950-an dan 1960-an. *Wacana Seni: Journal of Arts Discourse*, 3, 31–53.
- Ismail Ibrahim. (2012). *Warisan motif dan corak Murut*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Jacquelina Karimon. (2020, 20 Disember). *Upacara inasi masyarakat Murut Paluan di Sabah* [Temu bual]. Kota Kinabalu, Sabah.
- Jesilda Paulus. (2021, 10 Jun). *Acara Angkikiat dan Agiruandu dalam upacara inasi Murut Paluan* [Temu bual]. Nabawan, Sabah.
- Joseph Majilon. (2021, 5 Jun). *Pelaksanaan upacara inasi dalam masyarakat Murut Paluan Sabah* [Temu bual]. Nabawan, Sabah.
- Karimon, J., & Md. Razi, S. B. (2020). Mitos asal-usul: Aki Kinapuno pentadbir agung Murut Paluan. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 3(2), 64–76.
- Karimon, J., & Md. Razi, S. B. (2021). Merungkai rahsia mistik kehidupan etnik Murut Paluan dalam mitos tumbuhan. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 81–96.
- Muhammed Syafiq bin Salleh, & Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2022). Amalan Angkikiat masyarakat Murut Paluan di Sabah. *GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space*, 18(2), 75–89. <https://doi.org/10.17576/geo-2022-1802-06>
- Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2019). *Bangsawan di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2021). Gong dalam kehidupan golongan aristokrat Sebuy, Kenyah di Sarawak. *GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 286–297.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah, Zubir Idris, & Shaiful Bahari Md. Razi. (2018). Persembahan ritual Makan Tahun masyarakat Kadayan. Dalam N. A. V. Abdullah & Y. Yusmiyati (Pnyt.), *Etos dan ekspresi budaya Melayu* (hlm. 55–71). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). SAGE Publications.

- Pugh-Kitingan, J. (2012). Murut. Dalam K. Mariappan & P. Porodong (Pnyt.), *Murut dan pelbagai etnik kecil lain di Sabah* (hlm. 23–107). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Rapieh Barusik. (2020, 22 Mac). *Proses pelaksanaan upacara inasi masyarakat Murut Paluan, Sabah* [Temu bual]. Nabawan, Sabah.
- Schechner, R. (2003). *Performance theory*. New York: Routledge.
- Schechner, R. (2013). *Performance studies: An introduction* (3rd ed.). New York: Routledge.
- Suhaimi Magi. (2018). *Tarian Magunatip etnik Nabai dan Paluan: Daripada permainan tradisional ke persembahan pentas kini* (Tesis Sarjana). Universiti Malaysia Sabah.
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization. (2003). *Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*. UNESCO.
- Zainal, S., Abd Rahman, M. K., Pisali, A., Awang Long, M., Salleh, M. S., & Kamsani, K. (2025). *Magombok: Reimagining traditional performance (ritual-theater) for heritage sustainability*. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, **10**(32), 323–329. <https://doi.org/10.21834/e-bpj.v10i32.6660>
- Zainal, S., Abdul Rahman, M. K., Pisali, A., Awang Long, M., Salleh, M. S., & Kamsani, K. (2025). *Magombok: Reimagining traditional performance (ritual-theater) for heritage sustainability*. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, **10**(32), 323–329. <https://doi.org/10.21834/e-bpj.v10i32.6660>